

10 JAN 1997

Exco

PENAMBAHAN PORTFOLIO KEPADA EXCO NEGERI PERLIS

KANGAR, 10 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Perlis menambah jumlah portfolio di kalangan anggota Exconya dalam usaha mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, di samping penambahan portfolio exco, kerajaan negeri juga bercadang untuk menyerap anggota-anggota dewan undangan negeri sebagai pengerusi jawatankuasa tertentu yang bertaraf exco.

Kerajaan negeri tidak dapat menambah jumlah exco daripada enam orang yang sedia ada kerana Perlis mempunyai jumlah anggota dewan undangan negeri yang sedikit iaitu 15 orang, katanya.

Beliau berkata, dengan menambah jumlah portfolio exco di samping menyerap anggota dewan undangan negeri daripada kalangan bukan exco untuk menjadi pengerusi jawatankuasa tertentu yang bertaraf exco program pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna.

"Kita tidak mahu ada projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tergendala, sebaliknya kita mahukan semua projek berkenaan dilaksanakan tahun ini juga," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta semua Menteri Kabinet dan Menteri Besar serta Ketua Menteri melipatgandakan usaha pembangunan dan mengukuhkan ekonomi negara melalui bidang portfolio masing-masing.

Shahidan akan mengagihkan tugas yang terlalu banyak di bawah tanggungjawabnya untuk membolehkan kerajaan memberi perhatian terhadap pelaksanaan projek yang dirancang kerana Perlis mahu memberi tumpuan yang lebih kepada projek ekonomi.

Sehubungan itu rombakan portfolio yang baru ialah dalam bentuk penambahan bidang tugas bagi membolehkan peningkatan dibuat ke arah mencapai matlamat pembangunan di Perlis, katanya.

Sebelum ini Menteri Besar telah melakukan dua rombakan portfolio di kalangan anggota exco negeri.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri bercadang mewujudkan lebih banyak projek pemangkin dalam usaha membangunkan ekonomi negeri. -- BERNAMA

IQ PR